

**Kyrgyzstan mahu contohi pencapaian Negara**  
**Utusan Online**  
**05 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR 4 Feb. - Delegasi ahli Parlimen Kyrgyzstan mahu mencontohi pencapaian negara dalam pelbagai bidang terutamanya yang membawa kemajuan dan kestabilan.

Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihak delegasi itu juga mengagumi kemajuan negara sebagai negara Islam contoh yang dinamik.

"Pertemuan selama sejam tersebut dimanfaatkan dengan berkongsi pengalaman kita membangunkan negara bermula daripada Perdana Menteri pertama hingga kini.

"Mereka juga ingin mengukuhkan hubungan dan membanyakkan lagi bantuan teknikal yang diberikan seperti kejayaan kita dalam pengurusan haji, pelancongan, hab halal, pendidikan dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat daripada 10 delegasi ahli Parlimen Kyrgyzstan selama sejam di bangunan Parlimen hari ini.

Yang turut hadir Ahli Parlimen Hulu Selangor, P. Kamalanathan.

Delegasi tersebut diketuai Pengerusi Jawatankuasa Hubungan Antarabangsa Parlimen Kyrgyzstan, Kanybek Imanaliev.

Tambah Wan Junaidi, mereka juga berhasrat agar kerajaan menambah biasiswa kepada pelajar mereka untuk menuntut di sini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130205/dn\\_18/Kyrgyzstan-mahu-contohi-pencapaian-negara](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130205/dn_18/Kyrgyzstan-mahu-contohi-pencapaian-negara)